MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI ISNIN, 18 JUN 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 29

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1252-L49227
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah hala tuju atau arah baru dalam usaha mentransformasikan Dasar Pelajaran Negara. Apakah sebab-sebabnya transformasi ini diperlukan.

2. PR-1252-L50079
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan sedia untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memberikan hak kepada SPRM atau badan lain untuk menuduh seseorang untuk sebarang jenayah rasuah atau lain dan sekiranya tidak, kenapa.

3. PR-1252-L49859
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan penduduk tempatan yang mengalami sebarang gegaran mengetahui tentang keseriusan gegaran yang mereka alami supaya mereka merasa selamat.

4. PR-1252-L49951
Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah jenis pembangunan semula yang telah dirancang untuk perumahan kos rendah di Bandar Tun Razak yang melibatkan pangsapuri Sri Johor, Sri Pulau Pinang, Sri Melaka dan Taman Ikan Emas serta syarikat manakah yang terlibat dengan projek pembangunan ini.

5. PR-1252-L49524
Tan Sri Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang wajar diambil terhadap pihak yang telah melanggari perintah mahkamah.

6. PR-1252-L49534
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing yang berjaya didaftarkan dan gagal didaftarkan di bawah program pemutihan yang lalu dan jumlah wang yang berjaya dibawa keluar pada Mei 2012.

7. PR-1252-L49427
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang diambil terhadap kegagalan Alam Flora Sdn Bhd untuk menyelenggara kebersihan dan pungutan sampah-sampah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan strategi Kementerian dalam penambahbaikan khidmat yang diberikan terutama di kawasan-kawasan perumahan pangsapuri.

8. PR-1252-L49336
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bila projek menaik taraf jalan dari Banting ke Putrajaya melalui Bukit Changgang dapat dilaksanakan.

9. PR-1252-L49635
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah penuntut yang diambil tindakan atas pelbagai kesalahan mengikut pecahan universiti awam di negara ini dan sejauh manakah keberkesanan di sebalik tindakan yang telah diambil itu.

10. PR-1252-L50695
Tuan Sivarasa a/l K.Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah teksi yang dikeluarkan di Lembah Klang, berapa atas nama syarikat dan berapa dalam nama pemandu individu.

11. PR-1252-L50044
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk mengenal pasti dan menghalang kumpulan seks bebas dan kumpulan LGBT terus mendapat tempat di kalangan umat Islam di negara ini.

12. PR-1252-L50364
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bentuk kerjasama yang diwujudkan di antara negara-negara pengeluar getah asli dan kelapa sawit untuk menjamin prospek masa depan kedua-dua komoditi tersebut.

13. PR-1252-L50030
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:-

(a) kriteria serta garis panduan dalam menganugerahkan *award* atau kemenangan di sebarang festival kalangan penggiat seni tempatan dan luar negara; dan

(b) sejauh mana pengagihan Komputer 1Malaysia dilaksanakan terhadap rakyat khasnya Kinabatangan.

14. PR-1252-L49361
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah ramai guru besar dan guru-guru sekolah enggan memberi kebenaran alternatif untuk penggunaan Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik walaupun Kementerian telah menetapkan polisi sedemikian.

15. PR-1252-L50797
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

(a) jumlah peruntukan geran kewangan yang diberikan kepada persatuan-persatuan sukan bagi tahun 2010, 2011 dan enam bulan pertama tahun 2012; dan

(b) berapa jumlah peruntukan disalurkan kepada Persatuan Sukan Berprestasi Tinggi.

16. PR-1252-L50407
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) jumlah pinjaman korporat merentasi kumpulan syarikat yang dikawal milik Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary dan sama ada Bank Negara mengambil kira risiko sistemik disebabkan pinjaman tersebut; dan

(b) institusi kewangan yang terdedah kepada pinjaman beliau dan nilai kepada setiap satu.

17. PR-1252-L50679
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah untuk mempercepatkan proses penstrukturan semula Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) di Sarawak. Sila jelaskan mengapa walaupun semua tugas dan tanggungjawab sudah dipisahkan akan tetapi masalah kekurangan kakitangan masih membantutkan kecekapan penyampaian perkhidmatan PPD yang terlibat.

18. PR-1252-L49873
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kajian kemungkinan dari segenap aspek yang dibuat sebelum ahli lembaga pengarah Khazanah Nasional Berhad yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri mempersetujui penggabungan MAS dan Air Asia.

19. PR-1252-L49290
Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan telah melaksanakan pemeriksaan rutin di kawasan perumahan di tanah-tanah cerun untuk mengurangkan kejadian tanah runtuh yang berpunca daripada kejadian bencana alam dan cuaca kini yang tidak menentu.

20. PR-1252-L49595
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) apakah bilangan keluarga FELDA di Sabah dan berapakah jumlah wang setiapnya bermanfaat daripada penyenaraian FGVH (FELDA Global Ventures Holdings); dan

(b) apakah faedah-faedah lain untuk Sabah daripada Ladang-Ladang FELDA SABAH selepas penyenaraian FGVH.

21. PR-1252-L49169
Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kementerian terhadap pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan bolehkah Kementerian memastikan bahawa Akta tersebut tidak akan diperkenalkan semula.

22. PR-1252-L49810
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional tidak memberikan bidang kuasa kepada Menteri Pengangkutan ke atas hal-hal pengangkutan udara, air dan darat.

23. PR-1252-L50094
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bolehkah dikaji semula elaun guru-guru antara guru-guru di Sabah dengan guru-guru di Semenanjung supaya lebih adil dan saksama.

24. PR-1252-L50593
Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bidang kuasa dan tugas bagi Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan masing-masing dalam pelaksanaan Projek Lebuh Raya SUKE. Nyatakan juga jadual pembinaan dan pendengaran awamnya. Berapa kes bantahan telah diterima dan berapa pula diambil kira dalam pindaan lingkarannya.

25. PR-1252-L49536
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) nama syarikat-syarikat yang diberi kuasa untuk mengeluarkan kad pengenalan dan pasport bagi Malaysia daripada 1 Januari 2008 sehingga kini; dan

(b) ciri-ciri keselamatan untuk memastikan bahawa kad-kad pengenalan palsu dan pasport palsu tidak dikeluarkan.

26. PR-1252-L50796
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi dan dasar yang telah dirancangkan untuk membendung inflasi setelah Kerajaan melaksanakan dasar gaji minimum bagi seluruh negara.

27. PR-1252-L50091
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab warga asing boleh melibatkan dalam perniagaan menjaja barangan dengan menggunakan motosikal atau berjalan kaki sehingga pihak berkuasa seolah-olah tidak nampak sedangkan rakyat biasa melihat keadaan ini begitu ketara.

28. PR-1252-L50725
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan senarai pemegang-pemegang permit import (AP) daging babi.

29. PR-1252-L49580
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana penguatkuasaan dan tindakan dilaksana terhadap peraturan yang mewajibkan penumpang di bahagian tempat duduk belakang memakai tali pinggang keselamatan.

30. PR-1252-L50844
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci sembilan projek bernilai RM4.06 juta yang diperuntukkan kepada Kedah ketika lawatan Perdana Menteri dan timbalannya ke negeri itu seperti jawapan pertanyaan lisan pada sidang Dewan Rakyat lepas.

31. PR-1252-L50840
Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

(a) projek-projek perumahan terbengkalai dan terbiar di Kawasan Parlimen Hulu Selangor, siapakah pemaju projek-projek tersebut; dan

(b) apakah perancangan Kerajaan untuk menyelamatkan projek-projek tersebut.

32. PR-1252-L49432
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tujuan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) diminta menandatangani kontrak yang mengandungi apa yang 'patut' dibuat dan 'larangan' di kampus, untuk kemasukan sesi akan datang. Sila jelaskan apakah terma-terma kontrak tersebut.

33. PR-1252-L50983
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semenjak kemerdekaan sehingga kini berapakah syarikat atau individu yang layak dikenakan cukai tetapi dilepaskan oleh Kementerian. Apakah syarat-syarat sehingga perlepasan ini diberikan.

34. PR-1252-L49360
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan kadar penjawatan daripada calon masyarakat India di semua peringkat jawatan dalam sektor awam memandangkan kadar penjawatan masyarakat India adalah sangat rendah di semua gred jawatan pada masa kini.

35. PR-1252-L49196
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Umum Baru Sri Aman akan mula dibina sepenuhnya memandangkan kelulusan telah diumumkan pada bulan April 2011.

36. PR-1252-L50563
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah ada rancangan dan peruntukan khas pihak Kementerian dalam menggalakkan agensi-agensi di bawah Kementerian untuk menubuhkan kolej atau pusat pendidikan sendiri yang bersesuaian dengan bidang masing-masing bagi manfaat semua terutama anak-anak peserta.

37. PR-1252-L49705
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebab mengapa kursus matrikulasi tidak distandardkan kepada semua pelajar dan diberi secara percuma, tidak mengira kaum atau agama bagi pelajar kelulusan SPM agar ia menjadi *"entrance requirement"* untuk melanjutkan pengajian tinggi di IPTA selain daripada STPM.

38. PR-1252-L50036
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilangan koperasi yang terbabit dalam perniagaan perhotelan dan adakah Kerajaan bercadang untuk menggalakkan lebih banyak koperasi menceburi bidang ini memandangkan potensi dan perkembangan sektor pelancongan sekarang.

39. PR-1252-L50306
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pinjaman MARA yang diluluskan di Padang Terap mengikut jenis projek dan kadar kutipan semula.

40. PR-1252-L50403
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga 31 Mei 2012, berapa peratuskah dan nilainya sekali, perbelanjaan yang telah digunakan bawah peruntukan pembangunan di bawah RMK-10.

41. PR-1252-L50583
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pihak Kementerian mempunyai rancangan yang bermanfaat atau bantuan kaunseling kepada ahli keluarga tunggal termasuk ibu bapa tunggal atau anak-anak supaya mereka boleh menghadapi kesulitan dan mengharungi tekanan hidup.

42. PR-1252-L49223
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah nilai (RM) dan peratus dari segi GDP hutang negara, hutang korporat, dan hutang isi rumah kita bagi tahun 2000, 2005 dan 2011 serta usaha yang dilaksanakan untuk mengurangkannya serta maklumat yang sama bagi Amerika Syarikat, Britain, China, India, Indonesia, Jepun dan Korea Selatan untuk tempoh yang sama.

43. PR-1252-L49442
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah bantuan diberikan kepada sekolah tahfiz. Berapakah bilangannya mengikut negeri dan bentuk bantuannya.

44. PR-1252-L49919
Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada syarikat-syarikat milik Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri serta apakah faktor utama yang diambil kira oleh KWSP dalam pemberian pinjaman tersebut dan tahap pembayaran balik pinjaman tersebut mengikut syarikat.

45. PR-1252-L49713
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:-

(a) perancangan dan kedudukan pencalonan Lenggong Tapak Warisan Dunia; dan

(b) keuntungan yang bakal diperolehi oleh negara, negeri dan kawasan Lenggong jika usaha ini berjaya.

46. PR-1252-L50327
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah replika penyu yang telah dibeli oleh Kementerian semasa PATA Annual Conference 2012, kegunaan replika tersebut, jumlah kos yang terlibat dan siapakah pembekalnya.

47. PR-1252-L50328
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Pembantu Makmal yang sedang berkhidmat di Malaysia pada tahun 2011 dengan memberi pecahan sektor Kerajaan dan sektor swasta.

48. PR-1252-L49886
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan senaraikan syarikat-syarikat yang diberi permit eksklusif untuk eksport sarang burung walit ke Negeri China.

49. PR-1252-L49173
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah projek-projek pelancongan yang telah dilaksanakan dari tahun 2008 hingga 2012 di negeri Pulau Pinang dan apakah perancangan dan matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian bagi negeri Pulau Pinang menjelang tahun 2015.

50. PR-1252-L50274
Datuk Wira Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara bagi memastikan pelaburan emas yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat berlesen ini sah dan melindungi pelabur-pelabur serta menilai semula mengenai transaksi kemasukan wang kepada akaun *3rd party* yang didapati telah menipu pelanggan bank.

51. PR-1252-L50668
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian agar dasar automotif negara terus berdaya saing dan lebih kompetetif selari dengan perkembangan industri automotif dunia.

52. PR-1252-L49941
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berdasarkan kepada kejadian pergaduhan yang dipercayai berlaku pada sekitar bulan Mei 2012 di antara anak orang kenamaan dengan peninju negara, Muhamad Farkhan Mohd Haron di Taman Molek, Johor menyatakan seperti berikut:-

(a) adakah terdapat sebarang tangkapan dibuat; dan

(b) apakah status siasatan terkini oleh pihak polis dan adakah terdapat sesiapa yang dituduh di mahkamah setakat ini.

53. PR-1252-L51012
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci apa, bagaimana, bila, siapa yang terlibat dalam penggunaan dan pengurusan peruntukan khas Parlimen Balik Pulau semenjak 2008 sehingga sekarang.

54. PR-1252-L49359
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi kaum orang asli dan kaum pribumi di Sabah dan Sarawak di mana taraf sosio-ekonomi kaum-kaum ini adalah agak ketinggalan berbanding dengan kaum-kaum lain di negara.

55. PR-1252-L50617
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kerajaan bercadang memberikan insentif atau bantuan tertentu kepada pihak yang ingin mengadakan TASKA/TADIKA di ruang bangunan yang ada di kawasan mereka.

56. PR-1252-L49406
Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperolehi manfaat daripada kepelbagaian biologi yang kaya, terutamanya di Sabah.

57. PR-1252-L49639
Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunapakai kaedah penamaan calon sesuatu pilihanraya seperti yang diamalkan di Myanmar iaitu mereka yang berminat bertanding sebagai calon di sesuatu kawasan termasuk individu atau mana-mana parti politik hanya perlu menghantar senarai nama terus kepada Suruhanjaya Pilihan raya dalam tempoh tertentu tanpa perlu kepada hari penamaan calon dan perarakan/ perhimpunan seperti yang diamalkan di Malaysia sekarang.

58. PR-1252-L49487
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah tapak penstoran jangka panjang sisa bahan tercemar ARE akan diserah untuk diurus dan dipantau oleh Kementerian atau Kerajaan Negeri pada masa depan. Apakah satu perjanjian berkenaannya telah dibuat antara pihak terlibat, jika ya, nyatakan terma-termanya.

59. PR-1252-L49735
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keluasan ladang kelapa sawit FELDA yang telah diusahakan di Sabah secara berperingkat sejak dimulakan. Berapa ramai yang dilibatkan sebagai peneroka dan jumlah pengeluaran yang dihasilkan serta nilai setiap tahun sejak 10 tahun yang lalu.

60. PR-1252-L50361
Tuan Charles Anthony a/l R.Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kini dalam merealisasikan pembinaan dua loji tenaga nuklear. Adakah pihak Kerajaan yang telah mengenal pasti pelbagai lokasi dan adakah Kementerian merancang untuk mengadakan perundingan awam di kawasan-kawasan ini.

61. PR-1252-L50061
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah kesannya kepada pelabuhan Pulau Pinang jika laluan ketiga *(3rd Link)* iaitu laluan terowong dibina. Adakah ia memerlukan Laporan E.I.A Pusat.

62. PR-1252-L49619
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-

(a) jumlah hutang pendidikan yang ditanggung oleh mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) secara berasingan yang meminjam daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga kini; dan

(b) berapakah jumlah mahasiswa IPTA dan IPTS secara berasingan yang sedang membayar hutang tersebut.

63. PR-1252-L49391
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini mengenai pelaksanaan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) tentang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menangkis kekhuatiran kaum peribumi, termasuk yang bukan Islam, bahawa ada PATI yang diberi MyKad serta didaftarkan sebagai pengundi yang layak memilih Kerajaan akan datang menerusi Pilihan Raya Umum.

64. PR-1252-L49662
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan duit syiling Malaysia siri baru yang dikeluarkan lebih kecil dan ringan mengundang beberapa masalah seperti tidak boleh digunakan pada mesin bayaran tempat letak kereta, mesin tambang bagi tiket LRT dan sebagainya.

65. PR-1252-L49404
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah mempunyai rancangan untuk membina lebih banyak "Rumah Mesra Rakyat" di kawasan Gelang Patah.

66. PR-1252-L49962
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sebab-sebab peningkatan penerima bantuan kebajikan masyarakat meningkat dengan mendadak sejak 2008. Nyatakan peningkatan yang dicapai dalam usaha Kementerian membasmi kemiskinan di kalangan rakyat.

67. PR-1252-L49250
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia menggubal undang-undang supaya pemilik-pemilik binatang seperti anjing yang menyerang dan membunuh orang awam dikenakan hukuman lebih berat.

68. PR-1252-L50656
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bilangan pekerja tempatan dan pekerja asing di sektor perladangan. Dengan dasar gaji minimum, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memelihara sektor ini.

69. PR-1252-L50696
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan.

70. PR-1252-L50825
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mendidik rakyat Malaysia agar bijak dalam menguruskan kewangan dan perbelanjaan keluarga/isi rumah supaya melahirkan masyarakat yang berhemah dan bijak mengurus kewangan keluarga.

71. PR-1252-L50016
Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah projek-projek yang telah berjaya dilaksanakan di Negeri Perlis semenjak NCER diwujudkan pada tahun 2007. Sila senaraikan projek-projek berkenaan berserta butiran kos dan tarikh projek-projek tersebut disiapkan.

72. PR-1252-L49295
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan memandangkan arah kejatuhan moral masyarakat, jenayah sosial, murtad dan sebagainya yang menjalar dalam masyarakat kini, adakah Kerajaan bermatlamat untuk memasukan semula Sekolah Agama Rakyat dalam Arus Aliran Pendidikan Kebangsaan yang telah dipencilkan sejak 2003.

73. PR-1252-L49555
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

(a) apakah punca yang dikenal pasti yang telah menjejaskan usaha Kementerian menangani kes wabak denggi yang meningkat; dan

(b) apakah tindakan Kementerian dalam merangka mekanisme baru yang lebih berkesan untuk menangani masalah ini.

74. PR-1252-L50152
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada wakil Kerajaan mengadakan pertemuan dengan pihak kerajaan Singapura khusus membincangkan kes hukuman gantung Yong Vui Kong. Sekiranya ya, nyatakan nama dan masa pertemuan tersebut diadakan.

75. PR-1252-L50228
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) jumlah sekolah baru yang dibina di Negeri Kelantan sepanjang tahun 2008 hingga 2011, berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan untuk pembinaan sekolah tersebut; dan

(b) adakah dengan jumlah pembinaan sekolah tersebut dapat menampung pelajar yang ada sekarang.

76. PR-1252-L50667
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) apakah punca kegagalan dan kesilapan keputusan Kerajaan dalam penggabungan MAS dan AirAsia melalui *"share swap"*; dan

(b) nyatakan secara jelas, apakah pelan kerjasama seterusnya supaya menjamin kepentingan MAS dan pekerja.

77. PR-1252-L49464
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Pengerusi Syarikat Pelabuhan Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak diwajibkan meminta maaf kepada kaum Hindu kerana merobohkan Kuil Hindu Sri Muniswaran yang berusia 40 tahun di Prai pada 20 April 2012 dan bilakah ia akan dibina semula seperti mana yang dijanjikan.

78. PR-1252-L49980
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak permohonan untuk BR1M yang diterima dari rakyat di Sabah dan berapa ramai yang layak diberi bantuan tersebut.

79. PR-1252-L50931
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

(a) apakah terdapat perancangan oleh Kementerian untuk mewujudkan sebuah Kolej Kejururawatan di Wilayah Persekutuan Labuan; dan

(b) apakah usaha Kementerian di dalam menyelesaikan masalah kekurangan doktor pakar di Hospital Nucleus Labuan secara tuntas.

80. PR-1252-L50919
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kadar jenayah semasa di Malaysia dan Kawasan Wangsa Maju, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil atau akan diambil untuk mengurangkan kadar jenayah di Wangsa Maju.

81. PR-1252-L49899
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan:-

(a) berikan jumlah terkini keseluruhan Kakitangan DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) mengikut pecahan kaum yang berada di Malaysia; dan

(b) nyatakan peratusan kakitangan yang berstatus pegawai mengikut pecahan kaum serta kedudukan pangkat mereka.

82. PR-1252-L50964
Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

(a) langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan kualiti dan hasil penanam padi di Malaysia; dan

(b) usaha pihak Kerajaan mengkaji subsidi padi terkini untuk dinaikkan bagi memastikan nasib penanam padi terbela.

83. PR-1252-L50138
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai program latihan keusahawanan khususnya para belia Bumiputera yang sedang menganggur di kawasan luar bandar.

84. PR-1252-L50512
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana Global of Moderates Movement (GMM) berjaya diperkenalkan di luar negara dan di dalam negara.

85. PR-1252-L49794
Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan langkah bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta awam di Bandaraya Kuala Lumpur termasuk di Bangsar dan pengurusan letak kereta awam yang tidak cekap seperti tempat letak kereta awam di Hentian Putra.

86. PR-1252-L50355
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah keluasan jalan-jalan kampung yang telah dinaik taraf dan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan.

87. PR-1252-L49500
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah usaha yang telah dilakukan bagi penyenaraian anak Syarikat FELCRA dan RISDA serta apakah faedah yang dijangka bakal diperolehi rakyat Malaysia.

88. PR-1252-L50333
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah unit papan elektronik ITIS dan berapa yang masih berfungsi, sebab-sebab kerosakan dan kos yang diperuntukkan mengikut tahun sejak permulaan projek ITIS.

89. PR-1252-L49769
Datuk Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan tegas yang diambil ke atas pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat menyertai perhimpunan haram Bersih 3.0 sekali gus telah menghina perintah mahkamah.

90. PR-1252-L49570
Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes jenayah yang telah didaftarkan di mahkamah-mahkamah di Sarawak pada tahun 2010, 2011 dan 2012 (sehingga 18/05/2012). Sila memperincikan kes dalam kategori pembunuhan, rogol, rompak, ragut dan pecah masuk rumah, dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan jenayah-jenayah tersebut.

91. PR-1252-L49672
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang membatalkan kewarganegaraan Malaysia pada tahun 2010 dan 2011.

92. PR-1252-L50450
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian rasmi Kerajaan Persekutuan berhubung tafsiran Islam dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Malaysia, adakah ia bermaksud agama upacara *(ceremonial religion)* atau sebagai sistem kehidupan yang sempurna (al-Din).

93. PR-1252-L50108
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kes-kes yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang masih tertangguh di Jabatan Peguam Negara dan mengapa pendakwaan tidak dilakukan.

94. PR-1252-L50845
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapakah pihak Pos Malaysia tidak menaik taraf infrastruktur kemudahan pejabat pos di kawasan luar bandar seperti di Bekenu, Parlimen Sibuti supaya kelihatan lebih moden dengan menambah kemudahan mesin ATM dan mesin deposit. Ketiadaan perkhidmatan ini membataskan keselesaan rakyat di Sibuti.

95. PR-1252-L50504
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah SPR membenarkan Agensi KEMAS memindahkan pemilih dari satu kawasan ke satu kawasan pilihanraya yang lain tanpa izin pemilih tersebut. Kes pemilih Zawawi Abdul (KP 530720045281) yang dipindahkan pusat mengundi dari Parlimen Bukit Katil ke Parlimen Kota Melaka adalah dirujuk. Berapa banyakkah kes yang sama yang telah dilaporkan.

96. PR-1252-L50002
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci kedudukan terkini dan kos yang terlibat dalam pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat *(Western coastal Highway)* sepanjang 316km dari Banting ke Taiping yang dilaporkan akan mengadakan kutipan tol selama 60 tahun.

97. PR-1252-L50758
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan memandangkan paip-paip air telah dibina di Pulau Bruit, bilakah air akan mengalir untuk kampung-kampung di Pulau Bruit.

98. PR-1252-L49171
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prestasi yang ditunjukkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan apakah rancangan dan peruntukan yang akan disalurkan kepada negeri Pulau Pinang bagi menambahbaik pengangkutan awam darat di negeri tersebut.

99. PR-1252-L49465
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas kerosakan Terminal Feri Pulau Pinang dan kerosakan *"wave breaker"* di Dermaga Marina, sila nyatakan kos pembaikan semula, syarikat terbabit sama ada tender terbuka dijalankan dan bilakah ia akan siap.

100. PR-1252-L50085
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan seperti kenyataan beliau dalam akhbar The Star pada Jun 1 2011 yakni Bakun merupakan tunggak kejayaan SCORE (Sarawak Corridor Of Renewable Energy) oleh itu apakah langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan untuk memastikan penduduk setempat bersedia untuk berkhidmat terutamanya kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang dijangka akan melabur dalam industri-industri dalam SCORE. Contohnya dalam bidang akuakultur (sangkar ikan) yang dijangka berkembang pesat di tasik Bakun tidak lama lagi, apakah rancangan Jabatan Pertanian Sarawak (Bahagian Perikanan Darat) untuk memastikan para penduduk setempat bersedia menjadi tenaga kerja terlatih untuk syarikat-syarikat yang akan melabur dalam bidang ini.

101. PR-1252-L49823
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memartabatkan Islam sebagai agama Persekutuan dari semua sudut termasuk menaikkan taraf perundangan Islam dan institusi kehakiman.

102. PR-1252-L50886
Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada wujud penyelarasan *"standardization"* ke atas kadar bayaran yang dikenakan oleh hospital swasta kepada pesakit. Bagaimana pihak kementerian membuat pemantauan dan memastikan kadaran bayaran yang dikenakan kepada pesakit tidak berlebihan dan mengapakah kos bayaran berlebihan sehingga 30% dikenakan oleh pihak hospital swasta bagi pesakit yang menggunakan perkhidmatan insurans atau *"insurance medical card"*.

103. PR-1252-L50466
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang mengisytiharkan jenis perniagaan yang mengganggu ketenteraman seperti menjual burger di hadapan rumah Datuk S. Ambiga baru-baru ini sebagai satu kesalahan dari segi undang-undang.

104. PR-1252-L50255
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status masalah gangsterisme dalam negara dan sebab musabab masalah ini masih berleluasa. Nyatakan juga peratusan penglibatan mengikut kaum dan apakah usaha dan strategi Kerajaan untuk menangani masalah ini di kalangan remaja.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1.	(D.R. 24/2012)	Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2012 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (14 Jun, 2012)** **[Menteri Kesihatan]**	
2.	(D.R. 19/2012)	Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 **[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
3.	(D.R. 25/2012)	Rang Undang-undang Pelindung (Pindaan) 2012 **[Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]**	"
4.	(D.R. 26/2012)	Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 **[Menteri Sumber Manusia]**	"
5.	(D.R. 27/2012)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 **[Menteri Kewangan]**	"

6. **Menteri Pengajian Tinggi** akan mencadangkan:-

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86 (5) dan keputusan Usul yang diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Mac 2012, maka Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) dibentangkan di atas Meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan No. DR. 3 Tahun 2012 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

7. PR-1252-U49220
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pelbagai program tajaan kerajaan seperti program 1Azam, telah banyak memberikan manfaat kepada rakyat, khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan disenaraikan dalam senarai e-kasih. Program eredikasi kemiskinan ini telah melangkau jauh dalam meningkatkan ekonomi masyarakat terutama sekali masyarakat luar bandar". Dan mengambil maklum bahawa senarai e-kasih yang ada pada ketika ini hanya mendaftarkan kebanyakkannya, ketua isi rumah tetapi tidak mendaftarkan isi rumah, misalnya anak-anak mereka.

Dan mengambil maklum bahawa, satu daripada syarat utama untuk memohon untuk mengikuti program 1Azam, pemohon hendaklah dari kalangan mereka yang telah didaftarkan dalam senarai e-kasih. Dan mengambil maklum juga bahawa faktor-faktor ini telah menghadkan peluang-peluang bagi isi rumah senarai e-kasih, bagi mengikuti program eredikasi kemiskinan tajaan Kerajaan seperti program 1Azam. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan agar dapat memberikan kelonggaran syarat kemasukan bagi program erediksi kemiskinan tajaan Kerajaan, misalnya program 1Azam, agar kumpulan sasar ini dapat mengikuti program tersebut dan sekali gus merealisasikan hasrat Kerajaan menjadikan negara sifar kemiskinan menjelang tahun 2020. "

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

8. PR-1252-U49224
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa daripada 10 kawasan pemuliharaan utama (Priority Conservation Area-PCA) yang terdapat dalam kawasan Rantau-ECO Marin (Marine Ecoregion) di Lautan Sulu dan Lautan Suluwesi, 3 kawasan yang dimaksudkan terletak di negeri Sabah yang dilabelkan sebagai kawasan merah, yakni kawsan yang terkaya dengan kepelbagaian hidupan marin"Dan mengambil maklum bahawa, antara lain kepelbagaian hidupan marin ini adalah merangkumi 3500 spesis ikan, terumbu karang, 7 spesis penyu, dolphine dan paus.Dan mengambil maklum bahawa Taman Marin Tun Mustapha di Banggi Kudat, Trusan Kinabatangan, di Sandakan dan Darvel Bay di Tawau merupakan nadi utama hidupan dan ekosistem marin di negara ini. Dan mengambil maklum bahawa, aktiviti perikanan dan ekonomi telah secara perlahan mengancam kepelbagaian ekomarin ini dan memerlukan usaha konkrit untuk pemuliharaan dan penjagaan.Maka Dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, untuk menjadikan ketiga-tiga kawasan ini sebagai kawasan pemuliharaan bagi melindungi sistem eko dan bio marin kawasan ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

9. PR-1252-U50665
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbincangkan langkah-langkah dan peruntukan tahunan yang diperlu untuk memastikan keselamatan negara. Bahawa Dewan juga memperbahaskan cara-cara yang diperlukan untuk menentukan langkah-langkah tersebut tidak boleh disalahgunakan."

(Menteri Dalam Negeri)

10. PR-1252-U50666
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendiskusikan keadaan dadah di Malaysia termasuk matlamat untuk mencapai tahap bebas dadah pada 2015. Bahawa Dewan juga mendebatkan kaedah yang berkesan untuk membanteraskan wabak dadah di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

11. PR-1252-U49764
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai ketetapan rakyat khasnya di Sabah agar ditubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja berkaitan dengan pengeluaran dokumen kerakyatan Malaysia kepada rakyat-rakyat asing yang bermastautin di Sabah secara berleluasa sehingga telah mengakibatkan pertambahan penduduk yang begitu tinggi dengan kadar mencecah 390% dalam masa 40 tahun (1970-2010) demi kedaulatan Negara"

(Perdana Menteri)

12. PR-1252-U49765
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan menetapkan supaya harga runcit barangan keperluan harian dapat diseragamkan agar semua rakyat mendapat manfaat konsep 1Malaysia tanpa ada perbezaan baik di Wilayah Persekutuan mahupun di negeri-negeri. Sayugia, dengan keadaan yang ada pada masa kini, jelas tidak mencerminkan keseragaman taraf hidup yang sama rata dengan slogan rakyat didahulukan dan pencapaian bersama diutamakan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

13. PR-1252-U49766
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dengan seriusnya supaya kelulusan senantiasa diutamakan dalam semua bidang pelaksanaan serta pendapatan khasnya kepada pemimpin atasan memandangkan terlalu rendah kepada rakyat biasa dan golongan sederhana. Perbezaan ruang yang jauh ketara dalam kedudukan pemimpin dengan pendapatan tinggi dapat dilihat jurang perbezaannya maka hal ini haruslah diguna sebagai kayu ukuran taraf kehidupan seseorang."

(Perdana Menteri)

14. PR-1252-U49895
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

15. PR-1252-U49523
Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa gaji minima untuk setiap pekerja patut dan tidak boleh kurang dari RM1,100 setiap bulan dan Kementerian Sumber Manusia perlu implemantiskannya dengan kadar segera."

(Menteri Sumber Manusia)

16. PR-1252-U49458
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengaji semula kadar bayaran insuran ke atas kenderaan motorsikal yang sedia ada bagi meringankan beban hidup masyarakat terutamanya di luar bandar kerana motorsikal merupakah sesuatu kemudahan yang diperlukan."

(Menteri Kewangan)

17. PR-1252-U49459
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirehat dan siang hari bekerja."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

18. PR-1252-U49460
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengadakan satu mekanisme untuk menghalang warga bukan negara dari menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

19. PR-1252-U49461
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambahnilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahkan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen Minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

(Menteri Kerja Raya)

20. PR-1252-U49972
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan adakah kandungan dan kualiti alat solek/kosmetik serta pil-pil pelangsingan badan yang pelbagai jenama dari dalam dan luar negara yang dijual di pasaran kini diluluskan oleh pihak berkuasa".

(Menteri Kesihatan)

21. PR-1252-U49973
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan sejauh manakah berkesannya kempen hari Sabtu Tanpa Beg Plastik di pasaraya-pasaraya terhadap pengurangan penggunaan beg plastik dan kesedaran orang ramai untuk mengurangkan penggunaan beg plastik yang mengakibatkan ancaman terhadap alam sekitar".

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

22. PR-1252-U49974
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk memberi lebih banyak peluang kepada rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan kaum untuk menjawat jawatan di dalam sektor awam untuk mengurangkan jurang ketidakseimbangan."

(Perdana Menteri)

23. PR-1252-U49976
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengadakan satu mata pelajaran tambahan di sekolah yang mengajar mengenai agama, adat istiadat, budaya serta cara hidup semua kaum di negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum supaya dapat memupuk rasa saling hormat menghormati antara kaum dan isu-isu perkauman dapat dihindari."

(Menteri Pelajaran)

24. PR-1252-U49978
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan Wifi di seluruh negara dengan harga yang rendah atau berpatutan supaya semua rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat dapat menggunakan internet dan menambahkan pengetahuan mereka."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

25. PR-1252-U49979
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mendesak pengusaha-pengusaha stesen minyak untuk menyediakan lebih banyak perkhidmatan menbekalkan gas bagi mengalakkan lebih ramai orang menggunakan gas bagi kenderaan mereka yang mana ini dapat mengurangkan pencemaran udara dan menjimatkan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

26. PR-1252-U49982
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mencadangkan bahawa kesemua rakyat yang mempunyai kad OKU (Orang Kurang Upaya) boleh mendapatkan bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat secara automatik dan limit minima bantuan kewangan dapat ditambah kepada RM 500 sebulan memandangkan kosa sara hidup yang semakin hari semakin meningkat."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

27. PR-1252-U49987
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan untuk menubuhkan kursus atau kelas khas bagi ahli-ahli sukan di negara ini untuk mendidik mereka berintegriti, mempunyai nilai budaya yang tinggi, mempunyai semangat patriotik, kesukanan dan tanggungjawab untuk membasmi isu rasuah sukan."

(**Menteri Belia dan Sukan)**

28. PR-1252-U49989
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan cara-cara untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap isu perubahan iklim dan pemanasan global dan cara-cara untuk mengatasinya serta kesannya terhadap alam sekitar dan kehidupan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

29. PR-1252-U49993
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya Kerajaan membuat keputusan untuk mengurangkan kehadiran pekerja asing di negara ini memandangkan gaji minima sekarang adalah RM 900 dan warga Malaysia sanggup bekerja dengan gaji minima tersebut. Kehadiran pekerja asing kini tidak terkawal menyebabkan peluang pekerjaan warga tempatan tergugat dan masalah sosial dan jenayah oleh pekerja asing meningkat."

(Menteri Sumber Manusia)

30. PR-1252-U50790
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat untuk meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Pertahanan)

31. PR-1252-U49264
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum dan melarang anasir/golongan yang mengamalkan ajaran sesat, budaya, amalan serta tabiat songsang daripada menjadi ahli Dewan Rakyat:

1. Sebagai negara Islam yang mengamalkan nilai-nilai murni sudah tiba masanya Perlembagaan negara kita diperkukuhkan lagi demi masa depan anak-anak kita.

2. Ancaman budaya songsang adalah benar dan nyata. Jika dilihat di beberapa negara Barat, golongan yang mengamalkan budaya songsang telah menerap masuk ke dalam sistem pentadbiran negara dan mencorak dasar Kerajaan.

3. Mungkin sudah ada masyarakat Barat yang sanggup dipimpin oleh golongan gay atau lesbian tetapi apakah kita di Malaysia sanggup.

4. Saya mencadangkan agar ahli Dewan Rakyat memandang serius ancaman budaya songsang ini dan membuat ketetapan serta apa-apa pindaan undang-undang yang perlu untuk melarang anak-anak kita daripada dilanda musibah di masa hadapan.

5. Saya tidak ingin merujuk pada mana-mana individu, yang hidup ataupun yang belum mati, tetapi kita tidak boleh membiarkan Dewan Rakyat yang mulia dicemarkan golongan yang songsang.

6. Saya pasti bukan saja Islam, malah semua agama yang diiktiraf di dunia ini melarang amalan-amalan songsang yang diterma sebagai - LGBT .

7. LGBT adalah ancaman kepada masyarakat Malaysia yang beragama dan berpegang kepada nilai-nilai murni yang diwarisi turun-temurun.

8. Saya pasti tidak ada satu pun bangsa di dalam negara kita ini yang ingin dipimpin oleh golongan songsang ini.

9. Adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota Dewan Rakyat, yang dipilih rakyat untuk menjaga kepentingan masyarakat serta keselamatan negara ini, menyokong usul untuk memperkukuhkan teras kita sebagai sebuah negara yang bertamadun. "

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

32. PR-1252-U50169
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 dimana Negara-negara yang masih mengamal hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Morotarium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

33. PR-1252-U50171
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya.Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

34. PR-1252-U50172
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian Adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis.Dewan juga mendesak mengenai perlantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalah gunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar Suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

(Perdana Menteri)

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (DEWAN RAKYAT)

TAHUN 2012	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
DR.3	Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP).	18 Jun 2012
ST.15	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris Bagi Tahun 2010	18 Jun 2012

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 18.6.2012 (Isnin)	1. YB Datuk Chua Soon Bui (Tawau)	1. Penubuhan Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) Berhubung Pendatang Tanpa Izin di Sabah.	1. YAB Perdana Menteri
2. 18.6.2012 (Isnin)	2. YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)	2. Polis Gerakan Marin dan Polis Gerakan Am.	2. YB Menteri Dalam Negeri